

## PENGENALAN KONSEP

Bilik Sumber Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) adalah merupakan "one stop center" yang menyediakan satu pusat akses maklumat pendidikan pencegahan dadah yang lengkap kepada murid-murid, guru, ibu bapa dan komuniti setempat. Maklumat dan bahan-bahan berkaitan PPDa dalam pelbagai medium boleh meningkatkan lagi pengetahuan murid khususnya tentang bahaya penggunaan dadah, rokok, inhalan dan juga gejala sosial lainnya. Malah apa sahaja maklumat yang mempunyai hubungkait dengan masalah penggunaan dadah boleh dimuatkan bagi menambah nilai maklumat yang sedia ada.

Bilik sumber PPDa sekolah dicadangkan diwujudkan di setiap sekolah terutamanya bagi sekolah-sekolah yang berada di persekitaran yang berisiko tinggi. Bagi sekolah-sekolah yang tidak dapat menyediakan sebuah bilik untuk tujuan tersebut, boleh mewujudkan *sudut PPDa* seperti menggunakan sudut-sudut di bawah tangga bangunan, dinding atau lorong di dalam bangunan, sudut di dalam bilik kaunseling, bilik disiplin, bilik kesihatan /rawatan atau tempat-tempat lain yang difikirkan sesuai.

Secara umumnya, Bilik Sumber PPDa Sekolah bukan sahaja sebagai pusat untuk mengakses maklumat berkaitan PPDa, malah merupakan pusat operasi atau bilik gerakan kepada JK PPDa di sesebuah sekolah. Bilik Sumber PPDa dapat memberikan impak yang lebih besar kepada perancangan dan pelaksanaan program PPDa di sebuah melalui empat strategi utama iaitu pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ia juga boleh digunakan sebagai tempat membangunkan karakter murid khususnya bagi melahirkan murid-murid yang memiliki minda dan sikap antidadah.

## RASIONAL

Dapatan kajian (NIDA : 2000) menunjukkan bahawa sekolah institusi terbaik bagi memberikan pendidikan pencegahan awalan. Sementara itu, pendekatan interaktif, program yang bersifat jangka panjang dan ada pengukuhan didapati lebih memberikan kesan kepada murid-murid. Oleh itu, Bilik Sumber PPDa Sekolah dilihat sebagai pemangkin dan sangat wajar diwujudkan di setiap sekolah bagi memudahkan pihak sekolah menyebarkan bahan dan maklumat PPDa secara interaktif, sistematik dan efektif disamping dapat diakses dengan mudah oleh murid-murid, guru dan masyarakat sekitarnya.

## **MATLAMAT**

Bilik Sumber PPDa diwujudkan untuk menyediakan satu pusat sumber maklumat lengkap berkaitan pendidikan pencegahan dadah yang boleh diakses oleh murid, guru dan juga ibu bapa dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran membanteras penggunaan dadah ke arah merealisasikan hasrat melahirkan Sekolah Bebas Daripada Dadah Menjelang Tahun 2012.

## **OBJEKTIF**

1. Menyediakan satu pusat akses maklumat lengkap berkaitan Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah-sekolah.
2. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pendidikan pencegahan dadah di kalangan murid secara lebih sistematik dan berkesan.
3. Menjadi bilik gerakan kepada perancangan dan pelaksanaan program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah.
4. Menjadi tempat interaksi murid-murid dalam usaha membangunkan karektor murid cemerlang.

## **KEPERLUAN FIZIKAL / PERALATAN**

1. Bilik darjah / ruang / sudut dalam bilik-bilik khas lain
2. Papan paparan, alat multimedia, lain-lain
3. Perabot Asas

## **CADANGAN BAHAN**

1. Buku-buku
2. Majalah
3. Jurnal
4. Risalah/Poster/Pamphlet
5. Buku Skrap
6. Filem
7. Slaid
8. Model/replica
9. Lain-lain

## **CADANGAN AKTIVITI**

1. Kempen
2. Pameran
3. Tayangan
4. Kuiz/pertandingan
5. Aktiviti SLAD
6. Aktiviti Kelas PINTAR
7. Aktiviti PRS
8. Aktiviti Intervensi
9. Ujian Urin
10. Lain-lain

## **PENGURUSAN DAN PERSONEL**

1. Bilik Sumber PPDa Sekolah akan ditadbir oleh JK PPDa sekolah masing-masing.
2. SU PPDa Sekolah bertindak sebagai penyelarasan kepada Bilik Sumber PPDa.
3. Bilik Sumber PPDa mestilah mempunyai perancangan aktiviti bagi sepanjang tahun.
4. Setiap aktiviti dinilai dan direkodkan dari masa ke semasa.
5. Beberapa orang murid dilantik sebagai pengawas Bilik Sumber PPDa.
6. Pengawas Bilik Sumber PPDa sekolah berperanan sebagai agen yang menyampaikan mesej antidadah, mempromosi gaya hidup sihat kepada murid lain dan membantu pelaksanaan aktiviti PPDa di sekolah.
7. Dari masa ke semasa Pegawai Khas Dadah Negeri dan Daerah, AADK, Polis serta agensi lain boleh dirujuk untuk khidmat konsultansi bagi meningkatkan kefungsi Bilik Sumber PPDa Sekolah

## **PENILAIAN DAN PEMANTAUAN**

1. Bilik Sumber PPDa Sekolah boleh dipantau dari masa ke semasa oleh Pegawai-Pegawai KPM, Jabatan Pelajaran dan PPD bagi memastikan ia berjalan dengan baik.
2. Bilik Sumber PPDa Sekolah yang berfungsi dengan baik dan berupaya menjadikan murid-muridnya bebas daripada pengaruh dadah akan diberikan pengiktirafan di peringkat daerah, negeri dan juga kebangsaan.

## **RUMUSAN**

Penubuhan Bilik Sumber PPDa Sekolah adalah satu lagi inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mencapai wawasan mewujudkan sekolah-sekolah yang bebas daripada ancaman dadah seterusnya menjadikan institusi sekolah lebih kondusif dan selamat kepada murid-murid.